

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Panggilan Juruselamat untuk Melayan

Semua yang pernah belajar matematik tahu tentang penyebut yang sama. Bagi Orang Suci Zaman Akhir, adanya satu sifat yang sama yang menggabungkan kita. Sifat itu adalah panggilan individu yang kita terima untuk melaksanakan tugas dalam kerajaan Tuhan pada bumi ini.

Pernahkan anda mendesis bila satu panggilan diberikan kepada anda? Atau anda menerima setiap peluang untuk melayan saudara saudari anda dengan kesyukuran, dengan mengetahui bahawa Bapa Syurgawi kita akan memberkat mereka yang Dia panggil?

Saya harap kita tidak akan hilangkan tujuan benar peluang kita untuk melayan. Tujuan itu, matlamat abadi itu, adalah sama dengan yang difirmankan Tuhan dalam Mutiara yang Sangat Berharga: “Kerana lihatlah, inilah pekerjaan-Ku dan kemuliaan-Ku—untuk mendatangkan kebaqaan dan kehidupan kekal bagi manusia.”¹

Semoga kita selalu mengingat bahawa mantel keahlian dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir bukan satu jubah keselesaan sahaja tetapi satu baju tup tanggungjawab. Tugas kita, selain daripada menyelamatkan diri sendiri, adalah untuk membimbing orang lain ke kerajaan selestial Tuhan.

Dengan berjalan secara rela pada jalan pelayanan Tuhan, kita tidak akan berada dalam situasi seperti Cardinal Wolsey dari Shakespeare. Selepas disingkirkan dari kuasanya setelah pelayanan sepanjang hidupnya kepada maharajanya, dia meratap dengan sedihnya:

*Jika saya melayani Tuhan saya dengan
setengah semangat,
Saya melayani raja saya, Dia tidak akan
meninggalkan saya
kepada musuh-musuh saya pada masa tua saya.²*

Pelayanan apakah yang dihendaki oleh syurga? “Tuhan menuntut hati dan suatu fikiran yang rela; dan yang bersedia dan yang patuh akan memakan yang baik dari tanah Sion pada zaman terakhir ini.”³

Saya berhenti sekejap bila saya renungkan kata-kata Presiden John Taylor (1808–87): “Jika anda tidak mengembangkan panggilan anda, Tuhan akan buat anda bertanggungjawab terhadap mereka yang mungkin dapat anda selamat jika anda lakukan tugas anda.”⁴

Hidup Yesus seperti satu lampu sorot kebaikan bila Dia melayan di kalangan orang ramai. “Aku ada antara kamu sebagai orang yang melayan,”⁵ Yesus mengisytiharkan bila Dia berikan tenaga kepada kaki tangan orang yang lumpuh, penglihatan kepada mata orang yang buta, pendengaran kepada telinga orang yang pekak, dan nyawa kepada orang yang mati.

Dengan perumpamaan orang Samaria yang baik, Guru mengajar kita untuk menyayangi jiran-jiran kita seperti kita menyayangi diri sendiri.⁶ Dengan jawapannya kepada raja yang kaya, Dia mengajar kita untuk menyingkirkan sifat mementingkan diri.⁷ Dengan memberi makanan kepada 5,000 orang, Dia mengajar kita

untuk mencarikan keperluan orang lain.⁸ Dan dengan khutbah pada Gunung, Dia mengajar kita untuk mencarikan kerajaan Tuhan sebelum apa-apa hal pun.⁹

Dalam Dunia Baru, Tuhan yang sudah bangkit mengisytiharkan, “Kamu tahu apa yang mesti kamu lakukan di gereja-Ku; kerana pekerjaan yang telah kamu lihat Aku lakukan itu akan kamu lakukan juga; kerana apa yang telah kamu lihat Aku lakukan bahkan itu akanlah kamu lakukan.”¹⁰

Kita memberkat orang lain bila kita melayan dalam bayang “Yesus orang Nasaret . . . pergi ke serata tempat untuk berbuat baik.”¹¹ Tuhan memberkat kita untuk mencarikan kebahagiaan dalam pelayanan kita kepada Bapa kita di syurga bila kita melayan anak-anak-Nya pada bumi ini.

NOTA

1. Musa 1:39
2. William Shakespeare, *King Henry the Eighth*, babak 3, adegan 2, barisan 456–58.
3. Ajaran Dan Perjanjian 64:34.
4. *Teachings of Presidents of the Church: John Taylor* (2001), 164.
5. Lukas 22:27
6. Lihat Lukas 10:30–37; juga lihat Matius 22:39.
7. Lihat Matius 19:16–24; Markus 10:17–25; Lukas 18:18–25.
8. Lihat Matius 14:15–21; Markus 6:31–44; Lukas 9:10–17; Yohanes 6:5–13.
9. Lihat Matius 6:11.
10. 3 Nefi 27:21.
11. Kisah Rasul-Rasul 10:38

MENGAJAR DARI PESANAN INI

“[Tuhan tidak akan benarkan kita bergagal jika kita melaksanakan bahagian kita. Dia akan mengembangkan kita mahupun lebih dari bakat dan keupayaan kita. . . . Ini adalah salah satu pengalaman yang paling manis yang dapat dialami oleh seorang manusia” (Ezra Taft Benson, dalam *Teaching, No Greater Call* [1999], 20). Menimbang untuk mengongsikan satu pengalaman bila anda atau seorang yang anda kenali dapat berasa bahawa Tuhan mengembangkan bakatnya dan keupayaannya. Jemput keluarga itu untuk mengongsikan pengalaman-pengalaman positif mereka semasa mereka berbalas terhadap “panggilan Juruselamat untuk melayan.”

REMAJA

Melayan dalam Bait Suci

Oleh Benjamin A.

Bila saya berusia 17, saya mula berfikir dengan seriusnya tentang masa depan saya, dan saya berdoa

kepada Bapa Syurgawi tentang perkara yang boleh saya lakukan untuk bersedia untuk melayan satu misi dan menerima Imamat Melkisedek. Saya berasa saya harus menghadiri bait suci dengan lebih kerap kerana ia adalah rumah Tuhan dan di situ saya akan berasa lebih dekat dengan Bapa Syurgawi.

Jadi saya tetapkan satu matlamat untuk melakukan 1,000 pembaptisan dalam satu tahun. Saya benar-benarnya berasa saya perlu tetapkan matlamat ini; saya berpuasa untuk mengetahui sama ada inilah perkara yang harus saya lakukan. Bapa Syurgawi kita menjawab saya, dan saya mula pergi ke Bait Suci Tampico Mexico setiap hari Sabtu.

Selepas saya melakukan 500 pembaptisan, saya tetapkan satu matlamat untuk melakukan penyelidikan sejarah keluarga nenek moyang saya, dan saya gemarkan kerja penyelidikan itu sehingga saya tidak tidur kerana saya sibuk mencarikan nama-nama nenek moyang saya. Saya sudah dapat 50 nama dan lapan generasi sejarah keluarga saya; saya tolong melakukan kerja bait suci untuk mereka.

Pada akhirnya, saya melakukan 1,300 pembaptisan, dan saya berijazah dari seminari, menerima Imamat Melkisedek, dan sekarang melayan misi penuh masa, salah satu matlamat terbesar dalam hidup ini.

KANAK-KANAK

Saya Boleh Melakukan Sesuatu Hal Untuk Orang Lain

Kita setiap orang boleh melakukan sesuatu hal untuk menolong orang lain. Presiden Monson mengajar bahawa kita harus menyayangi setiap orang dan belajar untuk mencarikan cara untuk menolong mereka.

Bila anda bermakan malam bersama keluarga anda, cadangkan bahawa setiap ahli keluarga mengongsikan satu hal yang sudah dia lakukan untuk melayan orang hari itu. Catatkan pengalaman diri sendiri dalam jurnal anda setiap hari.



Iman, Keluarga, Pertolongan

Mengambil Tindakan pada Masa yang Diperlukan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan para saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.

Sebagai pengajar berkunjung, salah satu tujuan kita adalah untuk menolong untuk memperkuatkan keluarga dan rumah tangga. Saudari-saudari yang kita kunjungi harus boleh berkata, “Jika saya menemui masalah, saya tahu pengajar berkunjung saya akan monolong tanpa menunggukan permintaan.” Untuk melayan, kita bertanggungjawab untuk menyedar tentang keperluan-keperluan saudari-saudari yang kita kunjungi. Bila kita mencarikan inspirasi, kita akan tahu cara untuk membalas terhadap keperluan-keperluan rohani dan jasmani setiap saudari yang kita kunjungi. Kemudian, dengan menggunakan masa kita, kemahiran kita, bakat kita, doa yang beriman, dan sokongan rohani dan emosi, kita boleh memberikan pelayanan yang berbelas kasihan semasa waktu kesakitan, kematian, dan keadaan-keadaan lain yang khas.¹

Melalui bantuan laporan dari para pengajar berkunjung, presidensi Lembaga Pertolongan mengenal pasti orang yang memilik keperluan khas kerana kesakitan fizikal atau kesakitan emosi, kecemasan,

kelahiran, kematian, ketidakpayaan, kesunyian, atau cabaran-cabaran lain. Presiden Lembaga Pertolongan kemudian melaporkan perkara-perkara ini kepada uskup. Di bawah arahan uskup, Presiden Lembaga Pertolongan mengoordinatkan bantuan.²

Sebagai pengajar berkunjung, kita mempunyai “betapa besarnya alasan . . . untuk bersukacita” kerana “berkat yang telah dilimpahkan ke atas diri kita, bahawa kita telah dijadikan alat dalam tangan Tuhan untuk mendatangkan pekerjaan yang besar ini” (Alma 26:1,3).

Dari Tulisan Suci

Matius 22:37–40; Lukas 10:29–37; Alma 26:1–4; Ajaran dan Perjanjian 82:18–19

Dari Sejarah Kita

Pada tahun-tahun permulaan Gereja, keahlian adalah kecil dan terpusat. Ahli-ahli boleh berbalas dengan cepatnya bila seseorang perlukan bantuan. Hari ini keahlian kita lebih dari 14 juta dan menyebar di seluruh dunia. Pengajaran berkunjung adalah satu bahagian rancangan Tuhan

untuk memberikan bantuan kepada semua anak-anak-Nya.

“Sistem yang boleh memberikan bantuan dan kesenangan dalam gereja yang begitu besar dalam dunia yang berbeza ini adalah melalui hamba-hamba individu yang berdekatan dengan orang yang berkeperluan,” kata Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama.

“. . . Setiap uskup dan setiap presiden cabang mempunyai seorang presiden Lembaga Pertolongan yang boleh mereka bergantung pada,” dia terus berkata. “Presiden Lembaga Pertolongan mempunyai pengajar-pengajar berkunjung, yang mengetahui cubaan dan keperluan setiap saudari. Presiden Lembaga Pertolongan, melalui pengajar berkunjung, boleh mengetahui tentang hati individu dan hati keluarga. Dia boleh menemui keperluan dan menolong uskup dalam panggilannya untuk mengasuh individu dan keluarga.”³

NOTA

1. Lihat *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 9.5.1; 9.6.2.
2. Lihat *Handbook 2*, 9.6.2.
3. Henry B. Eyring, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 110.

***Apa yang Dapat Saya
Lakukan?***

- 1.** Adakah saya gunakan kurnia dan bakat saya untuk memberkat orang lain?
- 2.** Adakah para saudari yang saya kunjungi tahu bahawa saya rela untuk menolong mereka bila mereka perlukan bantuan?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.